



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang pengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR KAMPUS KEPADA KAMPUS YANG MESRA OKU SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KPM AYER MOLEK, MELAKA

NO.SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN CIDB	TARIKH, MASA TAKLIMAT/TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPOH JUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
SH/504/2022/001	GRED G1 (Daerah Melaka Tengah sahaja) PENGKHUSUSAN B04	9/5/2022 10.30 pagi Tapak Projek	25/4/2022 HINGGA 9/5/2022	RM5.00 (Wang Pos/ Bank Draf)	16/5/2022 (Sebelum 12.00 tengahari)

**** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA SESI TAKLIMAT LAWATAN TAPAK**

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
- Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan (CIDB)
 - Sijil Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (PKK)
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 12.30 tghr, 2.30 ptg - 4.30 ptg) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
4. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara WANG POS/BANK DRAF atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti tarikh dan tempat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA/KEMENTERIAN KERJA RAYA / CIDB** untuk pengesahan.
6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
KM 16, Jalan Tiang Dua
75460 Melaka Tengah, Melaka



Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.